
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

SPW204 – Teori dan Kaedah Sains Politik

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab Soalan 1 di Bahagian A, dan DUA (2) Soalan lagi dari Bahagian B.

Bahagian A

Soalan 1 – wajib dijawab

1. Berikan penjelasan ringkas untuk:
 - a) Konsosiasionalisme (A.Lijphart)
 - b) Prinsip plebisit dan perwakilan secara berkumpulan (Bendix)
 - c) Konsep “hegemoni” (Gramsci)
 - d) Kelas-kelas pertengahan di Malaysia pada tahun 1990an (Rahman Embong)
 - e) Modal “pemerintah berorientasikan pembangunan” (C.Johnson)

(40 markah)

Bahagian B

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

2. Apakah diertikan oleh S.P. Huntington dengan “kemerosotan politik”? Mengapakah ia sering berlaku di negara-negara sedang membangun? Menurut Huntington lagi, bagaimana pula kemerosotan ini dapat diatasi di negara-negara sedang membangun?

(30 markah)

...2/-

3. “Dengan menumpukan pada faktor ekonomi sedunia, sesetengah sarjana telah memakai perspektif ‘pergantungan’ untuk menjelaskan kemunduran ekonomi dan ketidakstabilan politik di negara-negara sedang membangun. Namun pespektif ‘pergantungan’ ini masih mengandungi kekurangan tersendiri”. Bincangkan.
- (30 markah)
4. Menurut sesetengah sarjana, teori elitis mempunyai kecenderungan ke arah pendominasian oleh pihak elit, bahkan ke arah satu sistem politik facisme. Jelaskan idea-idea utama tentang hubungan antara pemerintah dan masyarakat umum dalam teori elitis sepertimana diketengahkan oleh Mosca dan Pareto. Menurut Weber, bagaimanakah kecenderungan ke arah pendominasian elit ini dapat dibataskan.
- (30 markah)
5. Menurut C.Geertz, konflik perkauman yang sering berlaku adalah disebabkan “sentimen-sentimen primordial”. Apakah dimaksudkan dengan sentimen-sentimen ini? Mengapakah sentimen-sentimen ini semakin jadi dalam negara sedang membangun? Menurut pandangan anda, bagaimana pula sentimen-sentimen primordial ini dapat dikawal dan konflik perkauman dielakkan?
- (30 markah)

- oo o0o oo -